



KUPASAN MUTU JAWAPAN

BAHASA MELAYU 1

1103/1

S P M

TAHUN 2012



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod : 1103/1
Markah : 130
Masa : 2 jam 15 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Mempunyai dua bahagian:

Bahagian A : Penulisan berdasarkan bahan rangsangan – 30 markah.
Kepanjangan : 200 – 250 patah perkataan.

Bahagian B : Penulisan satu daripada lima tajuk pilihan – 100 markah.
Kepanjangan : Melebihi 350 patah perkataan.

PRESTASI KESELURUHAN

Dalam peperiksaan SPM 2012, Bahagian A menunjukkan sebahagian besar calon mencapai prestasi sederhana dan tinggi. Selain itu, prestasi calon berada pada peringkat rendah.

Calon memahami tugas soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon yang berprestasi tinggi kematangan dalam menyampaikan idea terserlah. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan baik dan berkesan. Mereka juga gagal menepati tugas soalan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Sebilangan calon tidak memanfaatkan ketiga-tiga idea yang diberikan malah sebahagian besarnya pula gagal menghuraikan tugas iaitu, **aktiviti-aktiviti bersempena Hari Kebangsaan** kerana penguasaan bahasa yang agak lemah.

Bagi Bahagian B, sebahagian besar calon mencapai prestasi baik dan sederhana. Calon yang berada dalam kumpulan prestasi rendah masih menunjukkan jumlah yang besar. Sementara itu, calon yang mencapai prestasi tinggi agak kecil bilangannya.

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugas, menyampaikan dan mengolah idea dengan baik. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan. Calon masih mengemukakan contoh yang relevan. Hal ini menunjukkan calon mempunyai pengetahuan yang luas berhubung dengan tugas soalan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang kurang berjaya menjawab tugas kerana huraian yang kurang berkesan di samping penguasaan bahasa yang lemah. Selain itu, didapati kebanyakan calon menggunakan ungkapan yang serupa dalam karangan masing-masing. Ungkapan ini seolah-olah sudah dihafal sejak awal atau memperoleh ungkapan itu daripada Internet. Antara ungkapan dan frasa yang kerap digunakan ialah, “***Sedasawarsa ini sering meniti dari bibir ke bibir setiap empat penjuru dunia***”, “***Isu ini sering diperkatakan dari warung-warung kopi hingga ke dewan parlimen***”.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

CALON KUMPULAN TINGGI

BAHAGIAN A

Calon dalam kumpulan tinggi berjaya menjawab tugas dengan tepat dan menghuraikan ketiga-tiga idea dengan jelas. Di samping itu, calon dapat mengemukakan contoh yang sesuai dengan tugas. Sebagai contoh, calon menyatakan aktiviti persembahan pentas seperti persembahan lagu patriotik, sketsa sejarah, mendeklamasikan sajak dan pantun sempena Hari Kebangsaan dan lain-lain. Calon juga dapat menyatakan kesan daripada aktiviti tersebut dengan jelas. Selain itu, calon menulis dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat serta menyelitkan ungkapan yang menarik. Seterusnya, calon mengolah karangan secara berkesan dan mempunyai penanda wacana yang sesuai pada setiap perenggan.

BAHAGIAN B

Calon dalam kumpulan prestasi tinggi berjaya menjawab tugas dengan tepat dan menghuraikan idea dengan jelas. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang sesuai dengan tugas. Sebagai contoh, Soalan 1, calon dapat menjelaskan faedah menyertai program motivasi dengan jelas seperti meningkatkan jati diri calon, menambahkan keyakinan diri, mengatasi rasa rendah diri dan lain-lain. Calon juga dapat menghuraikan idea dengan jelas dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat dan menyelitkan ungkapan yang menarik. Di samping itu, bagi soalan yang berformat, iaitu Soalan 2, calon dapat menulis format rencana dan laras rencana dengan betul.

CALON KUMPULAN SEDERHANA

BAHAGIAN A

Karangan calon kumpulan ini masih menepati tugas bahan rangsangan. Idea masih relevan huraian masih jelas. Namun begitu, terdapat jawapan calon dalam kumpulan ini yang kurang menepati kehendak tugas. Sebagai contohnya, calon lebih banyak menekankan kesan daripada aktiviti Hari Kebangsaan. Terdapat calon yang tidak dapat menjelaskan contoh-contoh aktiviti Hari Kebangsaan dengan jelas.

Bahasa yang digunakan masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat beberapa kesalahan ejaan yang minimum. Penggunaan kosa katanya umum sahaja. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasanya masih bervariasi. Terdapat juga calon yang memulakan karangan tanpa pendahuluan. Maksudnya memulakan karangan dengan idea yang pertama.

BAHAGIAN B

Secara keseluruhan calon menjawab tugas dengan baik. Calon juga boleh mengemukakan sekurang-kurangnya tiga idea namun huraian idea calon kurang jelas atau calon memberikan contoh-contoh yang kurang relevan. Sebagai contoh, Soalan 2, calon lebih banyak menekankan kepentingan menjaga kebersihan sedangkan tugas yang diperlukan ialah calon perlu menghuraikan peranan semua pihak menjaga kebersihan. Calon juga tidak menunjukkan kematangan fikiran ketika menghuraikan idea karangan. Penguasaan bahasa calon pada peringkat ini masih gramatis.

Calon menggunakan struktur ayat yang betul dari segi subjek dan predikat. Calon juga boleh menggunakan pelbagai jenis ayat. Walau bagaimanapun, terdapat kesalahan tatabahasa yang ringan dan minimum. Antara contoh kesalahan yang ketara ialah kesalahan kata jamak seperti *Antara faedah-faedah*, *Antara sebab-sebab* dan lain-lain.

Seterusnya, pengolahan karangan calon juga masih menarik. Sungguhpun begitu, terdapat juga pemerenggan karangan yang tidak seimbang. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat menghuraikan sesuatu idea secara seimbang atau tidak dapat mengemukakan contoh dalam sesetengah idea.

CALON KUMPULAN RENDAH

BAHAGIAN A

Calon dalam kumpulan ini masih atau kurang memahami tugas. Huraian yang dikemukakan kurang atau tidak jelas. Calon juga gagal menguasai kemahiran menulis. Kegagalan ini menyebabkan idea tidak dapat dihuraikan dengan jelas dan tidak tersusun. Masih banyak calon yang menulis karangan kurang daripada 200 patah perkataan. Ada juga calon yang hanya menyalin soalan.

Kebanyakan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang tidak gramatis. Calon juga terpengaruh oleh gaya bahasa lisan. Penggunaan ayat terlalu panjang menyebabkan karangan sukar difahami. Di samping itu, terdapat ayat-ayat tergantung. Calon juga lemah dalam penggunaan imbuhan dan pemilihan kata yang tepat di samping kosa kata yang terhad.

BAHAGIAN B

Secara keseluruhannya, jawapan calon tidak berkualiti. Calon tidak mempunyai kemahiran menulis. Hal ini disebabkan calon kurang pengetahuan tentang isu yang dikemukakan dalam soalan serta tidak memahami kehendak soalan menyebabkan mereka gagal memberikan idea yang sesuai.

Bahasa calon tidak memuaskan atau lemah. Terdapat juga calon yang menghuraikan idea dengan menggunakan bahasa lisan dan struktur ayat yang mudah. Calon banyak melakukan kesalahan bahasa seperti tanda baca, imbuhan, pemilihan diksi dan penggunaan kosa kata yang tidak tepat. Terdapat jawapan calon yang tidak difahami kerana struktur ayatnya tidak jelas dan mengemukakan idea yang tidak berkaitan. Penguasaan kosa kata calon amat lemah. Calon juga terpengaruh oleh struktur bahasa ibunda masing-masing. Pengolahan calon amat lemah sehingga sukar untuk mengesan idea. Sesetengah calon menulis karangan tanpa perenggan. Terdapat juga sebilangan kecil calon hanya menyalin soalan.

Prestasi Terperinci Mengikut Soalan

Bahagian A

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang **aktiviti-aktiviti yang sesuai diadakan di sekolah bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan negara kita.** Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.


AKTIVITI HARI KEBANGSAAN



Persembahan Pentas



Pertandingan Melukis Potret



Menghias Kelas

Calon dikehendaki menulis tentang aktiviti yang sesuai diadakan di sekolah bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan negara kita.

Kumpulan Prestasi Tinggi

Tugasan dan Idea

Sebagai pembuka firi perbincangan yang pertama mengenai aktiviti yang sesuai diadakan di sekolah termasuklah mengadakan persembahan pentas. Hal ini kerana para pelajar mempunyai bakat terpendam yang boleh ditonjolkan semasa aktiviti ini berlangsung. Aktiviti ini boleh dilaksanakan dengan mengadakan persembahan berbilang kaum. ^{dipersembahkan} Antara persembahan pentas yang boleh ~~ditunjukkan~~ ialah nyanyian lagu kebangsaan, sketsa atau drama, tarian tradisional kaum masing-masing dan lakonan semula sambutan kemerdekaan 1957. Berdasarkan hujah yang dinyatakan ini, sudah terang lagi bersuluh bahawa ~~persembahan~~ persembahan pentas merupakan salah satu aktiviti yang sesuai diadakan sempena sambutan hari kebangsaan di ~~sekolah~~ sekolah.

Calon menjawab tugasan soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan aktiviti-aktiviti yang sesuai diadakan di sekolah bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan negara kita berdasarkan tiga gambar bahan rangsangan yang terdapat dalam soalan iaitu persembahan pentas, pertandingan melukis potret dan menghias kelas. Ketiga-tiga idea tersebut dapat dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.

Keadaan kelas yang ceria mampu mempengaruhi minda pelajar. Justeru pihak sekolah boleh mengambil inisiatif dengan menggalakkan para pelajar untuk menghiar kelas masing-masing dengan bertepatan Hari Kebangsaan. Bendera kita, Jalur Gemilang wajar dikibarkan di dalam kelas kerana ia melambangkan identiti negara kita yang merdeka. Kata-kata hikmat daripada tokoh-tokoh kemerdekaan seperti kata-kata Rentap "aji idup aji ngelakan" yang bermaksud membangkitkan semangat nasionalisme dalam diri pelajar yang menghargai jasa serta pengorbanan tokoh-tokoh ini dalam mencapai kemerdekaan negara. Tuntasnya, pihak sekolah perlu menganjurkan aktiviti seumpama ini kerana aktiviti ini mampu membentuk pelajar yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Calon menulis menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat di samping unsur bahasa yang bervariasi.

Kelemahan dan Kesilapan.

Pelbagai aktiviti yang sesuai diadakan di sekolah bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan. Salah satunya adalah dengan menganjurkan persembahan pentas pada Bulan Kemerdekaan. Hal ini akan menyebabkan pelajar berasa semangat dan aktiviti sebegini akan menjadi obor buai muka untuk minsyukuri segala nikmat yang diperolehi setelah mencapai kemerdekaan. Aktiviti sebegini sedikit sebanyak akan menghiburkan hati para pelajar dan seterusnya dapat mengelakkan mereka jatuh ke lembah jaya dan sosial dengan cara mengiati masa tulusnya mereka dengan aktiviti yang bercorak patriotik ini.

Seterusnya, aktiviti lain yang boleh dan wajar dilaksanakan oleh pihak sekolah ~~boleh~~ adalah dengan mengadakan pertandingan melukis patriot tokoh kemerdekaan. Dengan itu, pelajar akan mengenali tokoh-tokoh kemerdekaan negara secara lebih mendalam dan akan menimbulkan perasaan hormat agar mereka lebih menghargai jasa tokoh-tokoh kemerdekaan yang banyak membuat bukti ke atas bumi butuh ini. Bak kata pepatah "harimau mati meninggalkan belang,

Calon menghuraikan aktiviti sambutan Hari Kebangsaan secara umum tanpa disokong oleh contoh yang relevan dan lebih tertumpu kepada kesan yang diperolehi daripada aktiviti sambutan Hari Kebangsaan tersebut.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Tugasan dan Idea

Antara aktiviti-aktiviti yang sesuai diadakan ialah melatukan persembahan ~~pentas~~ pentas seperti berdjak, menyanyikan lagu-lagu patriotik serta berpantun. Cara ini dapat meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar. Kita juga boleh melatukan persembahan pentas bersama ~~kaum~~ pelajar-pelajar kaum lain agar dapat merapatkan jurang perbezaan antara kaum dan ~~me~~ melestarikan konsep 1 Malaysia.

Pelain itu, tayangan video pejuang-pejuang tempatan seperti 'Leftenan Adnan' dan 'Hati Malaya 1957' mampu menarik minat pelajar yang lebih cenderung kepada pembelajaran secara pandang dan dengar. Aktiviti seperti ini mampu melahirkan rasa cinta kepada pejuang baki kata pepatah 'tali kental maka tali cinta'.

Calon masih menjawab tugasan berdasarkan bahan rangsangan idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Walau bagaimanapun calon lebih banyak menghuraikan kesan aktiviti sempena Hari Kebangsaan. Terdapat juga calon yang menambah aktiviti lain yang sesuai diadakan sempena Hari Kebangsaan.

Bahasa dan Pengolahan

Di samping itu, kita juga boleh ~~menyediakan~~ mengadakan pertandingan melukis potret tokoh-tokoh kemerdekaan seperti Dato' Onn Jaafar serta Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. ~~Cara~~ pertandingan seperti ini diadakan bagi ~~melak~~ menghangai jasa dan penat lelah ~~telah~~ mereka yang membanting tulang ~~dalam~~ bagi menuntut kemerdekaan negara.

Akhir sekali, kita juga ~~pat~~ boleh menghias kelas dengan cara menggantung bendera Jalur Gemilang atau ~~potret potret tokoh kemerdekaan~~ ~~pa~~ meletakkan potret tokoh-tokoh kemerdekaan di tempat yang tinggi. Cara ini dapat menimbulkan semangat cinta akan negara kepada para pelajar agar mereka tidak melupakan negara ~~mereka~~ ~~selama~~ ~~selamanya~~ Kita seandainya mereka melanjutkan pelajaran di luar ~~negara~~ negara satu hari nanti.

Penggunaan bahasa calon masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata adalah umum dan terdapat kesalahan yang minimum.

Kumpulan Prestasi Rendah

Tugasan dan Idea.

Aktiviti Hari Kebangsaan adalah persembahan pentas. Murid-murid sanggup menyangi apabila memakai pakaian agama tradisional. Contohnya, kita harus menyangi dan menghormati negara. Setemunya, murid-murid juga boleh persembakan lain-lain. Aktiviti Hari Kebangsaan mestilah dianjurkan di sekolah dan tarikh 30 August.

Calon masih menjawab tugasan bahan rangsangan tetapi huraian idea tidak jelas.

Bahasa dan Pengolahan

Aktiviti-aktiviti yang lain adalah menghias kelas. Murid-murid atau beterjasama menghias kelas. Murid-murid boleh mengambil gambar-gambar lain bertambah di meja. Kita juga boleh melukis di dinding atas. Contohnya, murid lelaki yang suka melukis boleh melukis "Hari Kebangsaan" di dinding kelas kita, tetapi mestilah tanya guru sendiri. Kita juga boleh pergi cari buku sejarah. Sejarah adalah banyak tokoh-tokoh atau banyak kita tidak tahu punya kal. Kita sudah cari juga boleh tambah di papan, ini macam sejarah atau menghargai kemerdekaan.

Penguasaan bahasa calon kurang mantap dan tidak gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata adalah terhad dan terdapat kesalahan bahasa yang ketara. Pengolahan tidak menarik.

Selain itu, di sekolah juga boleh mengadakan pertandingan ~~menit~~ melukis Potret Tokoh Kemerdekaan. Inilah boleh memberi setiap pelajar mengetahui setiap tokoh kemerdekaan kita. Contohnya, guru akan memilih gambar yang terbaik dilukis oleh pelajar tersebut. tambah di papan pengumuman sekolah, kerana di sekolah itu seluruh pelajar boleh dapat tahu muka tokoh kemerdekaan kita.

Idea masih relevan tetapi ayat tidak gramatis seperti contoh di atas.

Bahagian B

SOALAN 1

Setiap tahun sekolah anda menganjurkan pelbagai program motivasi dan anda sering terlibat dalam program-program tersebut.

Berikan pendapat anda tentang faedah-faedah menyertai program motivasi.

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan tentang faedah-faedah yang diperolehnya dengan menyertai program motivasi.

Kumpulan Prestasi Tinggi

Tugasan dan Idea

Calon menjawab tugasan soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan faedah-faedah menyertai program motivasi.

Antara idea yang dikemukakan seperti yang berikut:

- i) Meningkatkan jati diri
- ii) Membina keyakinan diri
- iii) Suntikan minat untuk belajar lebih bersungguh-sungguh
- iv) Dapat bergaul dengan pelajar-pelajar lain dan berkongsi idea serta pengalaman
- v) Dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang pelbagai
- vi) Melakukan anjakan paradigma daripada negatif kepada positif
- vii) Menyedari pentingnya kasih sayang dan kepedulian dalam keluarga
- viii) Menyedari pentingnya pengurusan masa secara bijaksana

Sejajar dengan program motivasi yang disampaikan, ~~para~~ ^{turut} saya berpendapat bahawa para pelajar dapat mengetahui cara belajar yang pelbagai. Program motivasi mempunyai pelbagai jenis aspek yang diketengahkan dan antaranya ialah cara yang paling efektif untuk menuntut ilmu pengetahuan. Ilmu merupakan pelita hidup insan. Justeru, ilmu itu boleh diperolehi dari pelbagai cara sama ada secara formal atau tidak formal. Contohnya, melalui ~~program motivasi~~ Program motivasi yang disampaikan oleh Enik Usman bin Affan, seorang penceramah yang tersohor di Malaysia menekankan cara belajar yang efektif kepada para pelajar. Khususnya, motivasi yang disampaikan oleh beliau juga bersifat santai dan beliau telah dapat menyuntik semangat baru kepada pelajar untuk belajar secara efektif. Hal ini bukan sahaja memudahkan para pelajar untuk menuntut ilmu malah cara ini juga dapat membantu seseorang individu ~~itu~~ ^{untuk} mengingat sesuatu yang memornibila dengan mudah. Oleh itu, dapat saya katakan bahawa program motivasi merupakan satu wadah yang dapat membantu pelajar untuk mengetahui cara belajar yang efektif.

Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan disertakan dengan contoh yang sesuai.

Bahasa dan Pengolahan.

Percambahan idea yang dapat dijana seterusnya ialah ~~para~~ saya dapat mengenali diri saya yang sebenarnya. Program motivasi yang dilaksanakan bukan sahaja omong kosong malah pengisian yang diberikan cukup bermakna dan padat. Saya dapat mengenali diri saya yang sebenarnya setelah menyertai beberapa program motivasi yang dilaksanakan oleh sekolah. ~~Kenali~~ Kenali Diri merupakan satu daripada nama program yang cukup aforisme di bibir para penceramah kerana melalui program ini, saya dapat mengetahui peribadi^{saya} atau sikap^{atau} yang sebenarnya. Sikap^{atau} peribadi yang diketahui dapat menjadi satu daripada kelebihan atau kekurangan yang boleh saya perbaiki dalam usaha untuk menjadi insan yang lebih baik dari sebelumnya. ~~Sudah terang lagi bersuluh bahawa~~ Saya juga dapat mengetahui ~~siapa~~ saya yang sebenarnya setelah menyertai program motivasi ini. Tamtilannya, ketika saya menyertai program motivasi, saya dapat mengetahui bahawa saya mempunyai kelebihan dan segi berkomunikasi dan hal ini sememangnya menjadi bonus kepada saya untuk melangkah ke medium yang lebih jauh. ~~Sudah terang lagi bersuluh bahawa~~ ~~Sudah terang lagi bersuluh bahawa~~ dengan menyertai program motivasi, saya dapat mengenali diri saya yang sebenarnya.

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Kosakata luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan dan penggunaan ungkapan yang menarik.

Peribahasa ada menyebut terlajak perahu boleh undur,
terlajak kata buruk pedanya. Oleh itu, para pelajar
diharuskan supaya menjaga maruah diri dan keluarga
serta tidak menjadi kambing hitam dalam masyarakat.

Secara imitatifnya, saya berpendapat bahawa program motivasi menyediakan
1001 kelebihan kepada kita semua tanpa mengira peringkat umur. Program motivasi
juga merupakan satu medium yang dapat melahirkan insan yang bersifat dinamik
dan dapat menjaga pemurnian secara kritis dan inovatif. Melalui program motivasi
yang diadakan oleh pihak sewelah, para pelajar akan dapat memperoleh pelbagai
input-input yang berguna dan dapat diwujudkan panduan ^{serta} ingatan dalam
menghadapi masa depan ^{yang} penuh dengan pancaroba bagi mencapai ^{aspirasi} ~~tujuan~~
negara menjelang tahun 2020. Program motivasi juga menubuhkan seseorang itu bertu
terus berusaha dan berdaya giat dalam mencapai cita-cita yang diidamkan seiring
dengan pepatah Melayu kalau tidak dipisahkan ~~nya~~ ruyung, manahan dapat
lagunya. Oleh itu, program motivasi merupakan wadah yang mengandungi 1001 kelebihan.

Pengolahan menarik dan berkesan seperti contoh di atas.

Melalui ~~aktiviti~~ program motivasi yang dijalankan, ^{saya sebagai seorang} ~~para~~ pelajar atau generasi muda
 akan dapat membentuk sahsiah atau peribadi yang cemerlang, gemilang dan terbitong
 seiring dengan ^{pembangunan} ~~pembangunan~~ negara yang semakin pesat menjelang ^{abad} ~~abad~~ ke-21 ini.
 Hal ini bertepatan dengan Wawasan 2020 yang ditawarkan oleh Perdana Menteri ~~kini~~ ^{kini}
 yang keempat iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamed yang ingin ~~menj~~ melahirkan masyarakat
 yang berperibadi mulia atau bersopan-santun.

Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Tugasan dan Idea

Bukan itu sahaja, kedua ketiga program motivasi mengajarkan kita meningkatkan hubungan keluarga ~~dan hubungan kawan~~. Cara untuk meningkatkan hubungan keluarga ialah sentiasa menolong ibu membuat kerja rumah, mengajiri adik ~~adik~~ menyiapkan kerja. Selain itu, kita boleh keluar bersama dengan keluarga untuk menonton wayang atau makan bersama dan berbual-bual.

Idea yang dikemukakan masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh yang dinyatakan masih sesuai.

Bahasa dan Pengolahan

Selain itu, kedua kedua program motivasi ialah mengajarkan kita ~~sentiasa~~ sentiasa berfikiran positif. Sentiasa ~~berfikir~~ mengujukkan fikiran positif sangat penting kepada ~~kita~~ semua ^{murid} ~~masyarakat~~. Kalau seseorang murid berfikiran negatif, dia tidak akan berjaya dalam semua barang. Jika seorang ^{murid} ~~masyarakat~~ sedang menghadapi masalah dan dia sentiasa berfikir positif, dialah akan berjaya dalam kehidupan.

Calon menggunakan pelbagai ayat gramatis atau masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Pengolahan calon masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Kesilapan

<p>Kalau seseorang murid berfikir negatif, dia tidak akan berjaya dalam semua barang. Jika seorang murid sedang menghadapi masalah dan dia sentiasa berfikir positif, dia lah akan berjaya dalam kehidupan.</p>

Calon tidak merujuk kebaikan kepada diri sendiri (tidak menggunakan kata ganti nama saya) sebaliknya mengemukakan faedah kepada murid secara umum atau orang lain.

Kumpulan Prestasi Rendah

Tugasan dan Idea.

<p>Sekolah juga mengadakan motivasi tentang kereta dan kebaikan menggunakannya. Motivasi ini ramai pelajar lelaki menyukainya tentang kereta dan terkejut semua yang hadir untuk mendengar motivasi kereta. Tidak dilupa juga para pelajar perempuan juga turut menghadirinya. Orang motivasi iaitu dikenali sebagai "JPJ" telah menyampaikan isi-isi penting dalam motivasi berikut.</p>

Calon mengemukakan idea yang bercampur-aduk, huraian tidak jelas, tidak berkembang dan contoh yang dikemukakan tidak sesuai.

Bahasa dan Pengolahan.

Jika diselidik, ada juga dikalangan pelajar yang bijak sombong dan tidak mahu pergi ke motivasi berikut seperti hidung tinggi. Motivasi pelajaran dapat disampaikan oleh orang yang memberi motivasi berikut kepada para pelajar. Sekolah juga memaintan peranan bagi memilih orang motivasi yang berpengalaman yang lama. Dengan cara ini, para pelajar dapat mengetahui tentang cara menjawab soalan dengan kehendak isi soalan dengan tepat.

Bagi kategori calon yang lemah dalam penulisan, terdapat beberapa kesalahan bahasa yang ketara telah dilakukan sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis. Bahasa calon lemah, ayat tidak gramatis dan penggunaan kata kurang tepat.

Akhir sekali, faedah ~~keenam~~ keenam program motivasi mengajarkan kita menjadi sebagai seorang murid yang bermoral ~~yang~~ dan bersopan yang tinggi. Program ini memberitahu kita seorang yang bermoral dan bersopan tinggi sangat penting untuk ~~melakukan~~ melakukan ~~sebarang~~ suatu benda. Dan banyak orang suka berkenaan dengan seorang yang bermoral dan bersopan yang tinggi.

Kesimpulannya, faedah tersebut ialah faedah program motivasi. Program motivasi ini akan menjadikan seorang murid ~~sebagai~~ yang ~~akan~~ akan berjaya dalam ~~semua~~ semua ~~perkara~~ perkara.

Pengolahan karangan tidak menarik seperti contoh di atas.

Kesilapan

Selanjutnya, melalui program yang bermanfaat ini, para pelajar dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat. Jika program ini dapat diadakan, gejala sosial dan jenayah remaja mampu dikurangkan.

Calon tidak menjawab tugas yang diberikan dengan tepat kerana tidak menggunakan kata ganti diri pertama, iaitu **saya**, **kita**, ataupun **kami** bagi menjawab soalan dimensi diri ini. Terdapat idea yang kurang relevan dengan tugas seperti tidak memahami maksud faedah menyertai program motivasi. Di samping itu, terdapat juga calon yang tidak menghuraikan faedah-faedah menyertai program motivasi, sebaliknya menghuraikan pengisian motivasi tanpa mengaitkannya dengan faedah yang diperolehi. Calon juga menyatakan program motivasi oleh pihak luar.

Program motivasi yang dijalankan oleh semestinya yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Pelajar boleh juga menghadiri program motivasi di luar, contohnya Program TAMA yang dianjurkan oleh pihak Tabung Haji. Di sini para pelajar mendapat ilmu daripada penceramah yang berlainan negeri yang dapat membantu pelajar untuk menjawab soalan dengan lebih mudah. Baik kata pepatah ilmu tanpa agama adalah bufo, agama tanpa amal adalah sia-sia. Akhirnya, disini program motivasi yang dijalankan oleh pihak sekolah atau pihak luar mampu memberikan para pelajar sedikit sebanyak suatu pengalaman dan ilmu yang baru kepada mereka.

Calon mengemukakan program motivasi yang dijalankan oleh pihak luar dan bukannya anjuran oleh pihak sekolah sebagaimana arahan soalan seperti contoh di atas.

Soalan 2

Kebersihan kawasan sekitar penting untuk kesihatan dan keselesaan hidup. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir anggota masyarakat yang mengabaikan aspek kebersihan ini.

Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Menjaga Kebersihan Tanggungjawab Kita Bersama’.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan bentuk rencana yang bertajuk ‘Menjaga Kebersihan Tanggungjawab Kita Bersama’.

Kumpulan Prestasi Tinggi

Tugasan dan Idea.

Calon menjawab tugas soal dengan tepat. Calon menghuraikan peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak dalam menjaga kebersihan kawasan sekitar demi menjamin kesihatan dan keselesaan hidup.

Antara idea yang dikemukakan seperti yang berikut :

- i) Peranan ibu bapa mendidik anak-anak supaya mementingkan kesihatan.
- ii) Peranan pihak sekolah merealisasikan perkara tersebut.
- iii) Peranan media massa menyebarkan maklumat kepada semua pihak.
- iv) Peranan kerajaan menguatkuasakan undang-undang.
- v) Peranan pihak swasta membantu agensi berkaitan bagi mencapai tujuan tersebut.

Pertama sekali, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam menjaga kebersihan. Ibu bapa haruslah mendidik anak-anak mereka untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan kawasan rumah sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Ibu bapa juga haruslah ~~sentiasa~~ mengadakan aktiviti gotong-royong dalam keluarga sekurang-kurangnya satu kali sebulan. Hal ini bukan sahaja dapat membersihkan kawasan rumah, malah dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Melalui aktiviti gotong-royong, anggota keluarga akan bekerjasama membersihkan rumah bagai aur dengan tebing. Secara tidak langsung, sikap bekerjasama dapat ditanam dalam kalangan anggota keluarga. Pendek kata, ibu bapa perlulah mendidik anak-anak mereka tentang kepentingan kebersihan kawasan sekitar.

Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan disertakan dengan contoh yang sesuai.

Bahasa dan Pengolahan.

Di samping itu, pihak kerajaan perlu menyeru masyarakat untuk menjaga kebersihan kawasan sekitar. Langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk menjamin kebersihan negara adalah menguatkuasakan undang-undang. Sebagai contoh, pihak kerajaan akan memberi saman atau mendenda anggota masyarakat yang membuang sampah di merata-rata tempat. Pihak kerajaan juga boleh mengadakan kempen kesedaran yang berkenaan tentang kepentingan menjaga kebersihan agar masyarakat dapat memahami pentingnya kebersihan dengan lebih mendalam. Penyediaan tong-tong sampah di tempat-tempat yang tertentu juga dapat mengelakkan pembuangan sampah sarap di merata-rata tempat oleh anggota masyarakat. Slogan "Cintailah Sungai Kita" juga telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyeru masyarakat untuk menjaga kebersihan sungai yang merupakan bekalan air yang terpenting bagi manusia. Pendek kata, pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menjaga kebersihan kawasan sekitar.

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Kosa kata luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi.

Akhir sekali, pihak penguasa kilang patutlah sentiasa mementingkan kebersihan kawasan sekitar kilang. Menurut kajian, 60% pencemaran sungai yang sedang berlaku adalah disebabkan oleh pembuangan sisa-sisa toksik ke dalam sungai oleh pihak kilang. Hal ini disebabkan oleh pihak penguasa kilang yang ingin merendahkan kos pembuangan sisa-sisa toksik atau bahan-bahan kimia yang tidak diperlukan lagi. Perbuatan mereka yang mementingkan keuntungan sahaja boleh dijelaskan dengan peribahasa seperti enau di dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Pihak penguasa kilang perlulah mempunyai kesedaran dan juga menghentikan perbuatan tersebut yang tidak menjaga kebersihan sungai. Ini bukan sahaja akan meremarkan sungai, malah akan menjejaskan imej kilang tersebut. Tegas kata, pihak penguasa kilang perlulah mementingkan kebersihan di samping mengaut keuntungan.

Pengolahan menarik dan berkesan seperti contoh di atas.

Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu untuk menjaga kebersihan kawasan sekitar supaya kita dapat hidup dalam keadaan yang bersih dan selesa. Selain itu, penyakit berjangkit yang tidak diingini juga boleh dielakkan dan kesihatan masyarakat akan terjamin. "Bersatu teguh, bercerai roboh". marilah kita bersama-sama menjaga kebersihan kawasan sekitar dan meningkatkan imej negara ^{Malaysia} sebagai negara yang bersih dan ceria di mata dunia.

Pengolahan menarik dan berkesan seperti contoh di atas.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Tugasan dan Idea.

Jika masyarakat secepat menjaga kebersihan diri
arekif-mestik ikej negara depul dijaga dengan baik. Ikej
negara merupakan nilai atau moral negara yang dipertahani
oleh rakyatnya. Jika buruk perantoi masyarakat maka buruklah
ikej negara. Itulah gambaran yang menunjukkan betapa
pentingnya penjagaan ikej negara kita. Setiap insan
memainkan peranan penting terutamanya untuk mengharu-
kan negara Malaysia. Antaranya masyarakat boleh mengadakan
kempen-kempen kesedaran tentang kebersihan dalam rekiter
yang dianjurkan oleh kerajaan.

Calon menjawab tugasan tetapi huraian kurang jelas seperti contoh di atas.

Badan Bukan Kerajaan memainkan peranan yang amat penting bagi mewujudkan masyarakat yang memertingkatkan aspek kebersihan dalam kehidupan mereka. Badan bukan kerajaan telah didefinisikan sebagai kumpulan yang diwujudkan sendiri ~~dan~~ pelbagai aktiviti tanpa ditaja oleh kerajaan. Contohnya ialah anjuran Mito yang sering diamati oleh masyarakat. Mito pernah merealisasikan gotong royong di pelbagai tempat awam seperti Shah Alam. Golongan muda khususnya dapat diledakkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang berfaedah demi menjaga kebersihan alam sekitar.

Bahasa masih gramatis tetapi terdapat kesalahan-kesalahan yang minimum seperti contoh di atas.

Kesilapan / kelemahan

Seterusnya, kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar tidak dapat menjahankan ekonomi negara. Negara yang bersih akan menjadi kunjungan para pelancong dari luar negara. Contohnya para pelancong akan kagum dengan keindahan dan kebersihan negara kita. Para pelancong juga akan membeli-beli dalam barang-barang buatan Malaysia. Kesannya, pendapat negara kita akan meningkat. Para pelancong yang pulang ke tanah air mereka akan memberitahu rakan-rakan mereka tentang negara Malaysia dan nama Malaysia akan tersebar di persada dunia.

Calon tidak menghuraikan peranan pelbagai pihak dalam menjaga kebersihan tetapi menghuraikan kepentingan menjaga kebersihan seperti contoh di atas.

Kumpulan Prestasi Rendah

Tugasan dan Idea.

Jika golongan awam negara kurang berminat kesihatan, parti pemerintah tidak dapat mendorong untuk menanam sikap suka kesihatan dan boleh dapat contoh yang baik untuk diteladani. Kerajaan negara Jepun sering dikaitkan dengan awam negara semua suka kesihatan. Oleh itu, seorang bekerja Kementerian Kesihatan membuat satu program dimana-mana sempat dengan memujuk semangat kesihatan.

Huraian idea tidak jelas dan tidak disertakan dengan contoh yang sesuai.

Bahasa dan Pengolahan.

Seterusnya, seorang kementerian Bekeja bekerja kementerian
kebersihan menguruskan satu kumpulan untuk dia semua
memberitahu semangat kebersihan. kebanyakan masyarakat
tidak mengikut kebersihan, tidak tahu kepentingan
kebersihan. selain itu, kualiti kebersihan is rendah juga
turut mempengaruhi minat kebersihan di kalangan
masyarakat. Justeru, tidak halamlah, terdapat beberapa
syarikat penerbitan buku kebersihan ditutup kerana terpaksa
ditutup kerna kerana menganggu menanggung ketugian yang
besar.

Bagi kategori calon yang lemah dalam penulisan, terdapat beberapa kesalahan bahasa yang ketara telah dilakukan sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis.

satu lagi sebab mengapa warga negara yang
masih tidak membersihkan negara kita yang masih
rendah di kalangan rakyat Malaysia. Pihak kementerian
kebersihan sebab itu, warga negara tidak tahu
kepentingan kebersihan. ²⁵¹ Oleh itu, dalam negara kita
ada beberapa negeri setiap negeri menguruskan satu
kumpulan untuk memberitahu kepentingan kebersihan.
kalau ini macam buat warga negara mendegar dan
berfikir dipun mengikut arah kebersihan.

Pengolahan karangan tidak menarik seperti contoh di atas.

dunia. Akhir sekali ~~kemeteri~~ Kementerian kebersihan kumpulan dan warga negara membuat kebersihan kita akan dapat ~~sesta~~ angin bersih dan boleh hidup lama. Itu kebersihan kawasan sekitar penting untuk kesihatan dan keselesaan hidup. ~~Yang~~ dan warga negara semua mengingati kebersihan ~~kawasan~~ negara kita bertanggungjawab kita. Tolonglah kita semua bersama-sama membersihkan negara kita dan meningkatkan nama negara kita.

Kesimpulan tidak menarik seperti contoh di atas.

Soalan 3

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita

Marilah amalkan ramai-ramai

Bahasalah menyatukan kita semua

Yakinlah bahasa jiwa bangsa.

**Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada lirik lagu ‘Bahasa Jiwa Bangsa’,
Huraikan kepentingan bahasa kebangsaan kepada negara kita.**

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan tentang kepentingan bahasa kebangsaan kepada negara kita.

Kumpulan Prestasi Tinggi

Tugasan dan Idea.

Calon menjawab tugas soal dengan tepat kerana menghuraikan kepentingan bahasa kebangsaan kepada negara kita. Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan contoh yang sesuai.

Antara idea yang dikemukakan seperti yang berikut:

- i) Bahasa Kebangsaan sebagai alat perpaduan.
- ii) Sebagai bahasa ilmu.
- iii) Bahasa untuk berkomunikasi antara kaum.
- iv) Identiti negara.
- v) Untuk tujuan penulisan rasmi.

Sekiranya bahasa kebangsaan dapat memudahkan komunikasi antara rakyat di Malaysia. Komunikasi amat penting untuk membentuk nilai murni dalam sebuah masyarakat. Oleh itu, bahasa kebangsaan merupakan bahasa perantaraan yang paling ideal dan sesuai. Jika kita tidak menggunakan bahasa kebangsaan, hal ini tidak dapat mewujudkan persefahaman antara rakyat. Hal ini dapat menimbulkan keadaan huru-hara seperti pergaduhan antara kaum, salah faham dan sebagainya. Sebagai rakyat yang berdaulat, kita harus mengelakkan perkara ini daripada berlaku dan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi harian yang dapat melahirkan keharmonian kepada rakyat Malaysia. Tuntasnya, bahasa kebangsaan dapat memudahkan komunikasi antara rakyat di Malaysia.

Idea dihuraikan dengan jelas dan matang.

Bahasa dan Pengolahan.

Kepentingan peredaran bahasa kebangsaan kepada negara kita ialah keamanan negara kita akan terjaga. Sebagai contoh, rakyat Malaysia yang berbilang kaum mengamalkan satu bahasa pertuturan harian iaitu bahasa Melayu. Melalui pengamalan ini, keamanan dan keharmonian antara kaum dapat dilekalkan seterusnya menjamin keamanan negara. Adakah kita mahu peristiwa kita negara iaitu peristiwa 13 Mei 1969 yang membabitkan rusuhan kaum antara kaum Melayu dan kaum Cina berulang lagi? Jadi, kita mestilah mengambil iktibar dan sejarah yang telah berlaku agar ia tidak menjadi seperti pisang berbuah dua kali.

Calon menulis menggunakan bahasa yang sangat gramatis. Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi dan gaya bahasa yang menarik seperti contoh di atas.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Tugasan dan idea.

Di samping itu, bahasa kebangsaan juga memainkan peranan dalam memupuk perpaduan kaum di negara kita. Hal ini perlu diberi perhatian yang mendalam kerana penggunaan bahasa yang sama dalam kalangan rakyat dapat memupuk amalan toleransi dan berfikir ansur dalam diri rakyat sendiri. Situasi hanya dapat direalisasikan melalui usaha rakyat dalam menggunakan bahasa kebangsaan dalam ^{kehidupan} kehidupan seharian. Contoh yang dapat dikemukakan untuk menyokong hujah ini ialah rakyat menggunakan bahasa kebangsaan untuk berkomunikasi akan menyebabkan rakyat negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum berasa mereka adalah dalam sekeluarga. Rasionalnya, perpaduan kaum dapat dipupuk melalui penggunaan bahasa kebangsaan dalam negara kita.

Calon masih menjawab tugasan dan idea yang dikemukakan masih relevan. Huraian idea masih jelas dan contoh masih sesuai.

Bahasa dan Pengolahan:

Sebagai Mukadimah, kepentingan bahasa kebangsaan kepada negara kita yang pertama ialah bahasa kebangsaan merupakan identiti negara kita. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu telah diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara kita sejak merdeka. Bahasa Kebangsaan telah digunakan dalam urusan pentadbiran dan perniagaan di negara kita. Sebagai contohnya, bahasa kebangsaan digunakan dalam surat rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah. Tegasnya, bahasa kebangsaan memainkan peranan yang penting dalam menunjukkan identiti negara kita.

Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan kosa kata umum dan gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa.

Kumpulan Prestasi Rendah.

Tugasan dan Idea

<p>Sebagai mukadimah dan pembuka yang ides pertama, bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu yang terkedep semua pelajar-pelajar amat penting di negara kita. Hal ini kerana, bahasa kebangsaan yang amat penting di dalam SPM. Contohnya, jika sudah gagal di SPM yang tidak boleh mendapatkan sijil itu. Akibatnya, tak ada sijil tak boleh mencari kerja yang baik atau gaji yang tinggi di negara kita. Sebagai rumusnya, bahasa kebangsaan terkedep semua pelajar-pelajar yang amat penting di negara kita,</p>	
---	--

Calon kurang menjawab tugasan. Idea bercampur aduk, huraian tidak jelas dan contoh tidak sesuai.

Sebagai kelengkapan dan kesinambungan idea seterusnya, Bahasa Jawa Bangsa ialah bahasa watak utama di negara kita boleh menjadi negara maju. Hal ini dikenitikan, sebagai orang watan mestilah bagai bahasa Melayu yang penting. Contohnya, mereka patut melalu bercampur bahasa Melayu dengan kawan-kawan mahupun ahli keluarga kita. Sebagai akibatnya, jika tidak pahami bahasa Melayu di Malaysia ialah satu hal yang tidak bercampur terhadap negara yang lain, sebagai ringkasnya, Bahasa Jawa Bangsa ialah bahasa watak utama di negara kita untuk memajukan negara kita.

Penggunaan kata dan ayat tidak gramatis dan menyebabkan pengolahan tidak menarik.

Kelemahan / Kesilapan.

Kita perlu kerajinan juga penting kepada rakyat kerana Malaysia pelabur menjadi bahasa jiwa bangsa yang baik. Kita perlu kerajinan usaha yang berkesan, tekun serta didedikasi dalam melakukan sesuatu perkara. Bahasa kebangsaan penting juga dalam kehidupan, kerana rakyat akan menjadi Malaysia yang cemerlang dalam bahasa jiwa bangsanya.

Calon tidak memahami kehendak tugas soalan seperti contoh di atas.

SOALAN 4

Produk makanan halal Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai produk yang terjamin kebersihan dan kesuciannya.

Jelaskan kebaikan-kebaikan yang diperolehi melalui penghasilan produk halal ini.

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan tentang kebaikan-kebaikan yang diperolehi melalui penghasilan produk halal.

Kumpulan Prestasi Tinggi

Tugasan dan Idea

Menurut Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia, amalan ekonomi campuran with ekonomi kapitalis serta sistem ekonomi sosialis yang kita laksanakan mampu menjadikannya sebagai tunjang utama terhadap menjadikan Malaysia sebagai hub ekonomi. Ujar beliau lagi, Cengkang pangkalan produk makanan halal mampu dijadikan perangsang utama bagi merealisasikan impian tersebut. Mengambil perhatian patuk-betuk beliau yang disampaikan dalam peredaran negara-negara Islam pada 26 April 2005, maka Malaysia kini mampu menarik nafas lega apabila masyarakat dunia telah menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran produk makanan halal. Permintaan tinggi masyarakat luar telah merencanakan lagi fungsi Malaysia sebagai hub industri produk makanan halal.

Calon dapat menjawab tugasan dengan tepat kerana dapat menyatakan kebaikan yang diperoleh melalui penghasilan produk halal ini. Idea dapat diuraikan dengan jelas dan matang serta dapat dikaitkan dengan peringkat antarabangsa. Contoh yang diberikan tepat dan sesuai.

Apabila ada gula, di situulah ada serunt. Apabila adanya sukar keuangan, di situulah hadirnya ramai pelabur. Sedar ataupun tidak sedar, dengan penghasilan produk makanan halal ini juga, Malaysia telah berjaya menarik kehadiran ramai pelabur untuk menanam modal di negara ini. Dalam perangkaan yang dianalisis oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE) berdasarkan statistik kemasukan dana domestik, dari tahun 2008 sehinggalah penggal akhir tahun 2011, kira-kiri RM120 juta tenaga modal telah dilaburkan oleh pelabur-pelabur luar negara khususnya dalam sektor makanan. Signifikannya, tenaga modal ini telah meningkatkan serta merencatkan lagi situasi ekonomi negara apabila pendapatan perkapita negara meningkat sebanyak 5-8 peratus iaitu RM 29,345. Inilah hasil serta manfaat yang dapat kita nikmati, apabila melalui penghasilan produk makanan halal ini, kita mampu menarik minat pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara ini, sekaligus meningkatkan ekonomi negara.

Calon dapat menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Kosa kata yang digunakan sangat luas dan tepat. Penggunaan peribahasa, ungkapan dan frasa yang menarik berjaya meletakkan hasil penulisan calon dalam kategori yang cemerlang. Wacana yang digunakan lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Tugasan dan Idea

Selain itu, hujah yang ~~seteranya~~ seteranya tentang kebaikan-kebaikan yang diperolehi melalui penghasilan produk makanan halal ialah imej negara terjamin. Hal ini sangat penting kerana masyarakat di Malaysia akan makan dan minum makanan atau minuman yang halal. Oleh itu, masyarakat di Malaysia tidak akan minum arak dan tidak akan berlaku kemalangan di jalan raya. Perkara ini boleh diwujudkan dengan kerajaan boleh mengurangkan pengeluaran barangan ~~tidak~~ tidak halal seperti arak, rokok dan sebagainya. Contoh yang dapat dijelaskan melalui kerajaan Malaysia telah menghadkan keluaran ~~barang~~ makanan halal dan juga sentiasa membuat kempen untuk memujuk rakyat di Malaysia makan makanan yang halal. Berdasarkan perbincangan ini, jelaslah bahawa imej negara akan terjamin kerana masyarakat di Malaysia akan berkurangan dengan minum arak dan keselamatan di negara kita juga terjamin.

Calon masih dapat menjawab tugas soal, idea yang diberikan masih relevan, huraian idea masih jelas dan contoh yang disertakan masih sesuai.

Di samping itu, lantikan ideal yang ketiga tentang kebaikan -
kebaikan yang diperolehi melalui penghasilan produk makanan halal
ialah ^{produktif} kegiatan industri makanan meningkat. Hal ini perlu memberi
perhatian yang mendalam kerana jika pengeluaran makanan halal
ke luar negara meningkat, kegiatan industri ~~di~~ makanan halal
di Malaysia juga akan meningkat. Kemelut ini boleh dizahirkan
dengan pembekal industri makanan halal boleh membuat promosi
tentang makanan halal di ~~negara~~ luar negara. Sebagai tamsilan,
~~perkara ini boleh ditunjukkan melalui~~ contoh yang dapat dikongsi
bersama-sama ialah kring biskut yang ternama di Malaysia ini
"Kraf" telah ~~ma~~ berjaya membawa nama mereka ke luar negara.
Melalui prakasa ini, jelaslah bahawa penghasilan produk makanan

Calon tidak dapat mengolah idea dengan baik kerana kelemahan dari aspek bahasanya seperti contoh di atas.

Kumpulan Prestasi Rendah

Tugasan dan Idea

Di samping itu, kebaikan makanan halal ialah ia
memberikan makan dengan kesihatan dan selesa. Makanan
halal harga murah dan sangat senang boleh membeli di
super market. Makanan halal juga sedap dengan biasa, makanan
halal quality baik.

Calon tidak menjawab tugas atau tidak memahami konsep makanan halal. Idea yang dikemukakan bercampur aduk.

kebersihan - kebersihan yang diperoleh melalui pembersihan produk makanan halal ini ialah produk makanan halal akan menjamin kebersihan makanan itu. Sebelum menyentuh makanan, pelayan akan mencuci berpakaian bersih dan kemas supaya tidak akan terdapat rambut atau apa-apa benda dalam makan.

Huraian idea tidak jelas, tidak menepati idea yang diberi. Contoh yang diberikan juga tidak sesuai.

Bahasa dan Pengolahan

Selain itu, kebersihan makanan halal ialah bermaksud kebersihan dan kesucian, ini adalah terdapat dijamin oleh perangka ~~antara~~ antarabangsa. Kebersihan menjamin makanan tidak kotor dan kita boleh makan dengan selera dan tidak risau. Kesucian bermaksud makanan halal dan pada hari yang penting kita tetap makan makanan dengan suci. Semua agama mestilah ada makanan suci di hari yang penting. Saya sebagai seorang Cina, setiap bulan pertama hari di Chinese, saya perlu makan suci ataupun pada hari sebelum Wesak, saya akan makan suci atau sayur-sayuran.

Penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Penggunaan ungkapan lemah menyebabkan calon gagal mengolah idea karangan dengan baik.

Produk makanan halal Malaysia. Kebaikannya dia adalah banyak. Produk makanan ada simbol halal sebagai produk yang menjamin kebersihan. Jika makanan yang tidak ada simbol halal, mungkin makanan itu bahan yang chemical. Sebagai contoh, beli makanan yang ada simbol itu yang ada peringatan antarabangsa menjamin kebersihan, manakala makanan yang tidak ada simbol halal itu yang tidak bersih.

Calon tidak dapat menghuraikan idea produk makanan halal dan bahasa yang digunakan sangat lemah seperti contoh di atas.

Soalan 5

Peribahasa 'Air dicincang tidak akan putus' bermaksud bahawa hubungan kekeluargaan tidak akan terputus walaupun berlaku perselisihan faham antara anggota keluarga.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dikehendaki menulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa "Air dicincang tidak akan putus"

Tugasan dan Idea.

a) Permulaan cerita :

Hujan rintik-rintik yang turun telah membasahi bumi, ibu yang ketika itu sedang duduk di beranda rumah kelihatan gelisah seperti menunggu sesuatu. Sambil tangan sibuk mengayam tikar mengkuang, mulut ibu tidak henti-henti mengucapkan selawat. Ibu tiba-tiba berhenti melakukan kerjanya setelah mendengar bunyi motor ayah walaupun tidak kelihatan sama sekali keibat ayah.

b) Perkembangan cerita:

Hari-hari yang berlalu tanpa abang membuatkan ibu semakin lemas. Penyakit yang ditanggungnya semakin kelihatan. Buayi bafuk ibu semakin kasunyian rumah. Semua ahli keluarga semakin risau dengan kelihatan ibu. Aku yang ketika itu tidak sanggup melihat penderitaan ibu dan dengan jujur, aku memberitahu bu bahawa abang selama ini selalu berhubung dengannya, abang menyakan kabar ibu, ayah dan adik-adik setiap kali menepunku. Ibu kelihatan seperti mempunyai sinar cahaya kembali, ibu tersenyum lebar dan kembali bersemangat melawan penyakitnya.

c) Klimaks:

...tiba-tiba kadangnya orang meminta tolong di simpang yang agak sunyi itu. Dengan pantas, si Aminah berlari ke tempat orang meminta tolong. Apabila sampai di situ, Aminah terkejut akan adiknya iaitu Amirah terjatuh daripada basikal dan berlumuran darah.

d) Peleraian:

"Nasib baik ada kakak, kalau tidak, tak tau lah jawapnya." Terima kasih ya kak." Adik minta maaf jika selama ini adik selalu buat kakak marah" kata si adik kepada Aminal sambil menipiskan air mata.

Calon menjawab tugas soal dengan tepat kerana dapat menulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa yang dikemukakan dengan menarik dan berkesan. Idea (cerita) disampaikan dengan menarik dan berkesan.

Bahasa dan Pengolahan.

Jantungku lagi berkenti berdegup ~~lalu~~ tatkala melihat tubuh Ilham bertumuran dengan darah. Air mata mula mencurah-curah keluar. Mungkin Ilham telah dilanggar. Aku berlari-lari mendekati Ilham dan meletakkan tubuh lemahnya di atas pangkuan tiba aku. Kesedihanku tidak dapat ditendang lagi setelah melihat Ilham masih mendatapi erat bahu Puteh Raja yang cacak.

Calon menulis dengan menggunakan laras bahasa sastera yang bervariasi seperti contoh di atas.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Tugasan dan Idea

a) Permulaan cerita:

Sebuah keluarga besar tinggal di hujung kampung itu. Keluarga mereka terkenal dengan sikap keriuhan ahli keluarganya. Ada yang suka menjerit bila bercakap, ada yang suka menyanyi dan yang suka bertelakik pun ada. Amisah dengan adiknya Amisah, mereka sentiasa berpaduk walaupun dalam hati mereka terdapat perasaan benci dan sayang. Amisah suka sama lain.

b) Perkembangan cerita:

Di sekolah mereka tidak bertegur sesama sendiri. Apabila terserempak mereka menjelir sesama sendiri. Mereka berdua memang keras kepala bila nak diheratkan dengan batu, batu lagi lembut. Tidak seotang pun hendak mengalah. Masing-masing dengan pendirian masing-masing.

c) Klimaks

Ketika Aishah sedang mendengar muzik dengan kuatnya, ayah menarakinya kerana mengganggu aku sedang belajar. Aishah menirgikan suaranya dan berkata, "kau bukan orang kaya nak arak aku untuk senyap!" Ayah terdiam.

d) Peleraian

Aishah memarahi Mama kerana lambat menyediakan makan tengah hari. Ketika Aishah sedang memarahi Mama, Pak Su memegang bahunya dan hanya berkata, "Kenapa Aishah?" Lalu Aishah terdiam. Pak Su membaek Aishah pulang ke rumah. Keluarga kami dan Pak Su tak bertegur sapa. Pak Su berasa malu kerana tidak menyercayai kakaknya sendiri. Pada 1 Syawal, keluarga Pak Su ke rumah kami menengis dan memohon maaf. Mama maafkan mereka dengan hati yang terbuka.

Calon masih dapat menjawab tugas soal dan dapat menulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa yang dikemukakan. Cerita lengkap dengan teknik penulisan cerita seperti yang terdapat dalam cerpen.

Sepantas kilat, Ahmad bergegas ke hospital untuk mencari ibunya. Ahmad cagak kerana dia mengetahui bahawa ibunya menghadapi penyakit darah tinggi. Sehabis di hospital Ahmad melian mencari wad ibunya.

Calon masih mampu menulis menggunakan laras bahasa sastera yang bervariasi.

Kelemahan

Tugasan dan Idea:

Alan juga sangat menyenangi isterinya Regine. Setiap hari Alan akan mengantar dan mengantar Regine pulang dari kerja. Setiap hari dalam perjalanan pulang, mereka akan kongsi cerita. Malangnya, pada suatu hari Alan demam dan tidak dapat mengantar isterinya pulang. Regine telah pulang bersama dengan bosnya. Alan sangat marah apabila melihat Regine di kantin dan segera berlari. Dia mengantar Regine ke rumah dan berpisah dengan Regine. Regine sangat bersalah dan memohon maaf. Alan memaafkan Regine dan mereka hidup bersama semula dengan gembira.

Calon masih menjawab tugas soalan. Huraian cerita masih jelas tetapi tidak berkembang.

Di samping itu, mereka akan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak dan keluarganya. Mereka juga percaya jika seseorang telah mempunyai kasih sayang yang mencukupi mereka akan melayan baik balik kepada anak-anaknya seperti ibu bapa mereka menajarnya kerana mereka telah mempunyai kasih sayang yang mencukupi. Baik kita pepatah bagaimana acau begitulah hasilnya.

Calon dalam kategori ini tidak mampu menggunakan laras bahasa sastra dalam penulisannya. Calon hanya menulis dalam bentuk huraian seperti penulisan karangan yang biasa. Kesannya, pengolahan cerita tidak menarik.

Marcapada kini, media massa sering memaparkan isu-isu yang berkaitan dengan masalah keluarga. Hal ini dapat memelihara keluarga yang bahagia. Baik mutak kata 'Xin diincang tidak akan putus yang bermaksud bahawa hubungan kekeluargaan tidak akan terputus walaupun seribu persembahan faham antara anggota keluarga.

Calon tidak memahami tugas soalannya dan hanya memberi maksud peribahasa seperti contoh di atas.

Slogan ini juga digunakan dalam institusi keluarga bahagia. Untuk mewujudkan keluarga yang bahagia, boleh mengamalkan slogan ini. Hubungan kekeluargaan juga amat penting dalam rumah tangga kerana ingin mengelakkan daripada parcelisan perham yang tidak dapat diatasi. Dalam rumah tangga juga boleh mengamalkan slogan tolong-mendong antara satu sama lain. Baik kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Slogan tolong-mendong juga amat diperlukan dalam diri kita untuk digunakan ketika ada yang memerlukan.

Calon hanya menghuraikan kepentingan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan supaya tidak berlaku krisis dalam kehidupan keluarga bahagia.

Shahrul mendapat tahu tentang hubungan adiknya itu dan terus menemui Bukhari di kampungnya. Shahrul menasihati Bukhari jangan sentuh adiknya walaupun sedikit. Bukhari mengadu hal itu kepada Asyela dan Asyela memarahi abangnya kerana mencampuri urusan adiknya dengan kekasihnya. Shahrul merasa sedih akan tindakan adiknya dan mengikut adiknya itu.

Keseluruhan cerita tidak menggambarkan konflik dan mendatar kerana konflik yang sepatutnya menjadi asas cerita tidak jelas.

Kumpulan Prestasi Rendah

Tugasan dan Idea

Terdapat dua elemen:

i) Calon tidak menjawab tugasan

Hubungan kekeluargaan tidak akan terputus walaupun berlaku perselisihan faham antara anggota keluarga. Anggota keluarga haruslah menjaga ahli keluarga masing-masing. Walaupun berlaku sesuatu yang membuatkan ahli keluarga akan bergaduh...

"Air dicincang tidak akan putus" walaupun berlaku sesuatu dalam sebuah keluarga. Marilah amalkan kebaikan untuk keluarga.

"Air dicincang tidak akan putus," peribahasa ini sering diguna pakai oleh individu untuk membuat karangan, ayat serta sering digunakan dalam dalam kehidupan seharian. Peribahasa ini mengambarkan tentang hubungan kekeluargaan yang tidak akan terputus. Dalam keadaan arus globalisasi yang makin produktif kini, banyak institusi keluarga yang kurang utuh di negara kita. Tetapi, perlulah kita beringat sejauh-jauh mana pun kita dengan keluarga, pasti kita tetap akan merindukannya, merantikannya dan menyayangnya kerana kita mempunyai pertalian darah yang kuat yang tidak dapat diputuskan walaupun menggunakan gunting yang paling tajam tajam.

Calon menulis dalam bentuk karangan biasa dengan menghuraikan kepentingan menjaga hubungan dalam keluarga.

Ibu bapa tegur Rahim hari - hari. Oleh itu dia benci sangat ibu bapanya. Ibu bapa Rahim sangat sedih dan hari - hari menangis. Satu hari Rahim bergaduh dengan ibu bapa lagi. Dia tidak suka akan keluarga itu. Dari lari dari rumah.

Calon menulis cerita yang tidak berkembang dan sukar difahami disebabkan tidak mempunyai kemahiran berbahasa yang baik.

Ibu bapa juga harus selalu mengawasi aktiviti-aktiviti anak-anak yang mereka lakukan dan mengetahui siapa kawan-kawan mereka supaya mereka tidak terpengaruh dengan kawan-kawan yang bertingkah tidak baik dengan melakukan perbuatan tidak baik seperti lari dari rumah, menanti dalam membunuh.

Penulisan calon tidak memenuhi kriteria sebagai sebuah cerita dan pengolahan cerita tidak menarik.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon-calun perlu banyak membaca bahan-bahan seperti majalah, akhbar, jurnal untuk menambahkan pengetahuan, memantapkan fikiran, dapat mengikut perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
2. Calon hendaklah peka terhadap isu-isu semasa agar setiap fakta yang disampaikan adalah tepat/bukan agakan sahaja.
3. Calon mestilah rajin membaca majalah ilmiah dan akhbar harian dan mingguan serta mendengar atau menonton perbincangan ilmiah, debat pusat pengajian tinggi dan sekolah berasrama penuh melalui media elektronik. Hal ini membolehkan calon mengikut isu semasa dan dapat melahirkan idea yang bernas dan matang.
4. Apabila menghuraikan sesuatu peristiwa, kukuhkan huraian itu dengan contoh yang relevan dengan tajuk yang diberi. Calon digalakkan menulis pendapat tokoh-tokoh ilmunan seperti Hamka, Abraham Lincoln, Ibnu Sina dan ramai lagi negarawan atau membuat analogi bagi memantapkan isi yang hendak disampaikan.
5. Calon perlu membuat latihan tatabahasa lebih banyak, umpamanya latihan membina ayat, penggunaan imbuhan, aplikasi tatabahasa dalam ayat, aplikasi pembentukan perkataan, kata dasar kepada kata terbitan dan sebaliknya. Calon hendaklah sentiasa berlatih untuk menguasai pembinaan perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya.
6. Calon mestilah rajin merujuk kamus dan kamus yang dicadangkan ialah Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata. Calon hendaklah selalu membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan dapat menyampaikan buah fikiran dalam bahasa yang lancar dan pengolahan yang menarik.
7. Sebelum menjawab soalan calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan akhirnya menulis karangan yang dipilih.
8. Semasa menghadapi peperiksaan, baca semua tajuk karangan (soalan) yang paling mudah atau senang. Ukuran mudah atau senang bermaksud pelajar-pelajar benar-benar pasti akan takrif atau kehendak soalan dan isi-isi utama (penting) bagi tajuk atau soalan yang dipilih, benar-benar dalam lingkungan

pengetahuan dan keupayaan pelajar untuk menghasilkan sebuah karangan yang bermutu. Buat rangka karangan terlebih dahulu dengan memanfaatkan alat pengurusan grafik yang sesuai dengan mengambil kira pendahuluan isi dan penutup karangan.

9. Setiap isi utama mestilah dikembangkan atau dihuraikan dengan jelas disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai. Gunakan sebanyak mungkin soalan yang relevan tentang isi utama berkenaan.
10. Berhatil-hatilah dalam penggunaan bahasa agar bahasa yang digunakan sentiasa tepat penggunaan kosa katanya dan ayat-ayatnya gramatis dengan pengolahan yang menarik.
11. Elakkan mengguna perkataan atau istilah yang jarang-jarang digunakan.
12. Penggunaan penanda wacana memang berkesan untuk menjamin kesinambungan karangan tetapi pemilihannya hendaklah tepat digunakan pada tempat yang sesuai untuk menjelmakan karangan yang benar-benar jitu dan tepat.
13. Jika ingin memasukkan unsur sastera seperti pantun, peribahasa atau perumpamaan pastikan anda benar-benar arif tentang unsur sastera berkenaan sama ada daripada segi maknanya mahupun penggunaan atau penulisannya.
14. Pastikan peruntukan masa yang wajar untuk menyemak semula karangan yang telah dihasilkan agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kesilapan dalam aspek bahasa, ejaan dan kesalahan-kesalahan lain yang memungkinkan markah karangan terpaksa dipotong.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu membaca pelbagai bahan bagi maksud penataran, mengemaskinikan pengetahuan, fakta dan maklumat sesuai dengan perkembangan semasa.
2. Guru perlu menguasai kemahiran ICT sesuai dengan keperluan masa kini untuk menghasilkan pangkalan data dan maklumat berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Portal dan laman sesawang Bahasa Melayu yang menarik boleh menarik minat pelajar untuk melayarinya.
3. Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada pelajar sejak di peringkat menengah rendah lagi agar para pelajar memahami cara merangka karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
4. Guru perlu mempunyai kemahiran membaca pantas, rajin membuat rujukan dan banyak membaca melalui pelbagai sumber sama ada melalui media ICT, media cetak atau elektronik agar pemikiran mereka semakin luas.
5. Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan pelajar semasa pengajaran agar pelajar dapat mengemukakan isi yang matang dalam karangan.
6. Teknik penulisan karangan secara stilistik perlu didedahkan kepada pelajar terutama karangan yang berbentuk cerpen agar mereka dapat menulis karangan jenis ini dengan lebih menarik.
7. Kursus pemeriksaan kertas Bahasa Melayu perlu didedahkan kepada guru yang masih baru agar mereka memahami cara pemeriksaan kertas Bahasa Melayu untuk membantu para pelajar di sekolah masing-masing.
8. Kursus kemahiran tatabahasa perlu didedahkan kepada guru secara lebih kerap agar penguasaan bahasa mereka sentiasa mantap.
9. Guru perlu sentiasa merujuk naskhah Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan untuk memantapkan lagi penguasaan bahasa Melayu. Sebagai contoh, pada masa ini dengan kemajuan teknologi ICT, guru boleh menggunakan kamus elektronik bersaiz telapak tangan keluaran Besta serta Eleksis yang mudah dibawa dan digunakan di mana-mana sahaja.
10. Guru perlu mengenal pasti kumpulan pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa untuk mengadakan bengkel penguasaan bahasa dan melakukan tindak ikut yang sewajarnya kepada pelajar berkenaan.
11. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan media ICT untuk menarik minat pelajar.

12. Guru cemerlang Bahasa Melayu hendaklah sentiasa membantu dan berkongsi kepakaran dengan guru lain di peringkat zon atau daerah bagi meningkatkan lagi mutu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru serta pelajar.
13. Bahan pengajaran mestilah dipelbagaikan supaya tidak menumpulkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.
14. Pelajar-pelajar mestilah dilatih mengarang pelbagai bentuk karangan yang berformat dan tidak berformat.
15. Calon perlu dilatih untuk mengetahui kelemahan dan kekuatan sendiri dalam aspek penulisan karangan. Contohnya, calon yang berkemahiran dalam bidang pidato atau syarahan seboleh-bolehnya menjawab soalan yang ada kaitan dengan kebolehannya.
16. Guru hendaklah memberikan latihan (karangan yang secukupnya) kepada pelajar supaya mereka dapat menguasai pelbagai bidang dalam penulisan.
17. Latihan kepada pelajar mestilah dirancang secara sistematik agar pelajar menguasai teknik penulisan karangan dengan betul. Oleh sebab itu, adalah lebih baik jika guru yang mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat diberi peluang mengajar pelajar yang sama apabila pelajar itu berada di tingkatan lima.
18. Sebaik-baiknya guru sendiri mestilah mengetahui dan menguasai skema pemarkahan merangkumi aspek takrif, isi bahasa dan pengolahan agar pengajaran guru lebih berfokus.
19. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu sekali guru mengenali potensi setiap pelajar agar pelajar dapat dibimbing berdasarkan potensi mereka untuk mencapai kecemerlangan insya-Allah.
20. Setiap latihan pelajar sama ada latihan tatabahasa atau karangan mestilah disemak dengan teliti dan sistematik. Pelajar hendaklah dimestikan membuat pembetulan agar mereka belajar daripada kesilapan dan dapat meminimumkan kesalahan.